# Inventori Fonem Vokal Dialek Melanau Rajang (Belawai)

## *(An Inventory of Vowel Phonemes of the Melanau Rajang dialect)*

MARINA KAWI* & DAYANG SARIAH BT. ABANG SUHAI

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
*Corresponding author: marinakawi@gmail.com

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji inventori fonem vokal yang wujud dalam dialek Melanau Rajang di kawasan Belawai di bawah pentadbiran Daerah Tanjung Manis, Sarawak. Kajian ini merupakan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data. Sebanyak 250 senarai daftar kata Swadesh (Samarin, 1967) digunakan sebagai panduan pengumpulan data. Dalam kajian ini, dua orang informan berlainan jantina yang berumur dalam lingkungan 40 dan 60 tahun telah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria pemilihan informan menurut Asmah Haji Omar (2001). Dalam menganalisis data, kaedah kualitatif telah digunakan berlandaskan kepada pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa terdapat sebanyak lapan (8) jenis fonem vokal yang wujud dalam dialek Melanau Rajang di kawasan Belawai iaitu empat (4) vokal depan [i, e, ɛ, a], satu (1) vokal tengah [ə] dan tiga (3) vokal belakang [u, o, ɔ]. Selain itu, distribusi/alternasi bagi kesemua fonem vokal dalam dialek Melanau Rajang di kawasan Belawai turut dibincangkan dalam kajian ini. Dapatan turut menunjukkan bahawa fonem vokal yang aktif ialah fonem vokal [a, i, u], manakala fonem vokal yang tidak aktif ialah vokal [ɔ, o, ɛ, ə, e].

Kata kunci: Alternasi, Fonem, Fonologi, Melanau Rajang, Struktural

***ABSTRACT***

*The study aims to identify an inventory of vowel phonemes of Melanau Rajang dialect in Belawai under the administration of Tanjung Manis District, Sarawak. This study is a field survey using interview methods to obtain data. A total 250 Swadesh list (Samarin, 1967) are used as a guide for data collection. In this study, two infotmants of different genders aged between 40 and 60 years old were selected based on criteria of informant selections according to Asmah Haji Omar (2001). In analysis data, qualitative method is used based on structural approaches. The findings show that there are eight (8) vowel phonemes have been identified; four (4) front vowels [i, e, ɛ, a]; one (1) central vowel [ə]; and three (3) back vowels [u, o, ɔ]. Besides that, the distribution/alternation of all vowel phonemes of Melanau Rajang dialect in Belawai are also discussed in this study. The findings also indicate that active vowel phonemes are vowels [a, i, u], while inactive vocal phonemes are vowels [ɔ, o, ɛ, ə, e].*

*Keyword: Alternation, Melanau Rajang, Phoneme, Phonology, Structural*

*Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.*

---

## PENGENALAN

Bahasa menurunkan pelbagai dialek yang berbeza dari aspek tatabahasa dan kosa kata disebabkan faktor geografi kawasan pertuturan dialek (Noor Azureen Hamid *et al.*, 2016). Terdapat banyak bahasa di Malaysia yang dapat dipecahkan kepada beberapa dialek di setiap kawasan lebih-lebih lagi di Negeri Sarawak kerana Malaysia termasuklah Sarawak memiliki masyarakat dan bahasa yang pelbagai. Menurut Pei (1960), sesuatu dialek mempunyai bentuk-bentuk yang tertentu dituturkan dalam kawasan tertentu, berbeza daripada bentuk yang standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaan itu tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain (dipetik dalam Salbia Hassan, 2016).

Masyarakat Melanau merupakan salah sebuah kaum yang terdapat di Sarawak yang mempunyai ramai bilangan penduduknya dan turut mempunyai pelbagai dialek yang dituturkan. Menurut statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Melanau merupakan suku kaum